

# **PROGRAM PENINGKATAN MUTU PENGGUNAAN BUKU TEKS/MODUL KBSM 2008**

## **CONTOH BAHAN PENGAJARAN**

**Disediakan oleh:**

**En. Johning Jomom (SMK Matunggong, Kudat)**

**Cik. Aidah Angah (SMK Tenghilan, Tamparuli)**

**Pn. Dayang Rahmah Binti Hj. Idan (SMK Usukan, Kota Belud)**

# **KAEDAH UBAHSUAI DAN SUSUN SEMULA**

- **TARIKH: 21.04.2008 (SELASA)**
- **KELAS: 1 NILAM**
- **MASA : 7.00 – 8.20**
- **FU: 7.3 ARAS 2 (i)**
- **FS: 1.4 ARAS 2(iv)**

# SAMBUNGAN

- Unit 2
  - TAJUK: Koperasi Sekolah
- 
- Objektif: Pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran, murid dapat;
    1. membina dialog berkaitan koperasi sekolah.
    2. menyatakan sekurang-kurangnya 5 maksud perkataan sukar dengan merujuk kamus dewan.
    3. Menyatakan sekurang-kurang dua jenis kata ganti nama diri.

- Set induksi (5 menit)

1. Guru meminta pelajar meneliti gambar yang terdapat di muka surat 10 buku teks.
2. Guru merangsang minda pelajar dengan mengemukakan beberapa soalan seperti:
  - Apakah yang kamu nampak dalam gambar ini?
  - Pernahkah kamu mengunjungi kedai koperasi sekolah kita?

# Gambar untuk set induksi Buku teks halaman 10



# Langkah 1 (20 minit)


- Guru mengarahkan pelajar duduk dalam kumpulan (5 kumpulan -6/7 orang/kumpulan) dan berbincang untuk menghasilkan sebuah dialog pendek. Pelajar boleh merujuk gambar-gambar yang terdapat pada halaman 12.
- Pelajar digalakkan menggunakan ungkapan-ungkapan yang bertatasusila dengan merujuk contoh yang disediakan di muka surat 11.
- Guru memberikan bimbingan kepada pelajar dalam membina dialog mereka sendiri.
- Contoh-contoh soalan seperti berikut:
  1. bagaimana menjadi ahli koperasi sekolah.
  2. perkhidmatan/kemudahan yang terdapat di koperasi.
  3. perbandingan harga barangan di koperasi dengan kedai biasa.

Nota: rujuk juga contoh dialog pada halaman 10 buku teks.

# Gambar rujukan untuk menulis dialog rujuk halaman 12



Bahagian kewangan



Kaunter jualan



Bahagian stor

# Contoh dialog daripada buku teks

- DEVI : Shin Yee, mengapa anda suka membeli alat tulis di kedai koperasi sekolah? Bukankah di kedai luar sana ada banyak pilihan?
- SHIN YEE : Saya memang suka membeli semua keperluan di kedai koperasi sekolah kerana harganya murah.
- DEVI : Di kedai luar sana, terdapat pelbagai jenis alat tulis. Memanglah harganya mahal tetapi canggih. Tidaklah ketinggalan zaman seperti awak.
- SHIN YEE : Saya kurang bersetuju dengan pendapat awak. Kita tidak memerlukan alat tulis yang canggih dan mahal, cukup sekadar dapat digunakan dengan baik. Kita tidak perlu membazir dengan membeli pen dan pensel yang mahal.
- DEVI : Betul kata awak. Saya menyesal kerana telah membazirkan wang membeli barang yang tidak penting. Saya juga memohon maaf kerana mengatakan awak ketinggalan zaman.
- SHIN YEE : Tidak mengapa, saya maafkan. Marilah kita ke perpustakaan. Syahida menunggu kita di sana.

# Contoh ungkapan bertatasusila daripada buku teks

## Contoh ungkapan yang boleh dijadikan panduan.

- ☞ Maafkan saya ... .
- ☞ Saya berpendapat bahawa ... .
- ☞ Saya kurang bersetuju dengan pendapat anda ... .
- ☞ Pendapat anda itu ada kebenarannya tetapi ... .
- ☞ Pada pandangan saya ... .
- ☞ Saya tidak menafikan pendapat anda tetapi ... .

## Langkah 2 (20 menit)

- Pelajar membentangkan hasil perbincangan dengan melakonkan dialog yang telah dihasilkan.
- Pelajar dari kumpulan lain memberi perhatian dengan mencatat soalan-soalan dan perkataan-perkataan yang sukar yang digunakan untuk mendapatkan penerangan lanjut daripada dialog yang dibentangkan.
- Guru memerhati, menilai dan membetulkan hasil pembentangan pelajar.


# Langkah 3 (15 minit)

- Guru mengarahkan pelajar menuliskan tiga perkataan sukar beserta maksudnya di atas manila kad dan mempamerkan di sudut bacaan kelas.
- Hasil tugas ini dibuat di dalam buku latihan masing-masing sebagai kerja rumah.

# Langkah 4 (15 menit)

- Guru menerangkan secara ringkas kata ganti nama diri seperti yang terdapat di halaman 14 dan 15 dan seterusnya meminta pelajar mencari/mengenalpasti kata ganti nama diri ini di dalam dialog yang terdapat di halaman 9.
- Selain itu, guru juga menerangkan secara ringkas aspek penjodoh bilangan.
- Sebagai kerja rumah, pelajar diminta membuat tugas melengkapkan perenggan di halaman 15.

# Contoh kata ganti nama diri halaman 14 dan 15



## Contoh petikan dialog halaman 9

**Bacalah perbualan mereka.**

**SYAHIDA** : Helo, selamat pagi. Boleh saya bercakap dengan Shin Yee?

**SHIN YEE** : Shin Yee di sini, Syahidakah itu?

**SYAHIDA** : Ya, saya. Bagaimana awak tahu saya yang bercakap?

**SHIN YEE** : Mustahil saya tidak mengenali suara rakan karib saya. Ada apa-apa yang boleh saya tolong?

**SYAHIDA** : Saya hendak mengajak awak ke sekolah awal sedikit kerana saya hendak meminta awak menemani saya ke kedai koperasi sekolah.

**SHIN YEE** : Oh, begitu! Baiklah, nanti saya akan meminta kebenaran daripada ibu saya untuk keluar lebih awal. Apakah yang hendak awak beli di kedai koperasi sekolah?

**SYAHIDA** : Saya hendak membeli buku rampaian, fail dan alat tulis.


**SHIN YEE** : Mengapa tidak beli di kedai di belakang rumah kita sahaja?

**SYAHIDA** : Banyak faedah jika kita berbelanja di kedai koperasi sekolah. Harga barang di sana lebih murah. Tambahan pula, kita ahli koperasi. Sebaik-baiknya kita memberikan sokongan kepada kedai koperasi sekolah kita.

**SHIN YEE** : Betul kata awak. Kita pun membayar yuran keahlian koperasi sekolah. Baiklah, kita pergi bersama-sama. Saya juga mahu membeli lencana sekolah dan baju sukan.

**SYAHIDA** : Baiklah Shin Yee, saya akan ke rumah awak sebentar lagi. Terima kasih.

**SHIN YEE** : Terima kasih kembali.



# Penutup (5 minit)

- **Guru merumuskan isi pelajaran dengan menyoal pelajar dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan apa yang telah mereka pelajari.**

# KEMAHIRAN BERNILAI TAMBAH

- INTERPERSONAL
- VERBAL LINGUISTIK